Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Hj Abdul Razak lwn Tony Pua Kiam Wee dan satu lagi

MAHKAMAH TINGGI (KUALA LUMPUR) — GUAMAN NO 23NCVC-14–03 TAHUN 2015
ROSLAN BAKAR PK
13 JULAI 2016

Prosedur Sivil — Pliding — Pembatalan — Plaintif melalui tindakan asal memfailkan saman fitnah terhadap defendan-defendan — Plaintif memohon untuk membatalkan perenggan 6, 7 dan 8 pernyataan pembelaan defendan kedua di bawah A 18 k 19(1)(a) atau (b), (c) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM') — Sama ada butiran dalam perenggan 6, 7 dan 8 pernyataan pembelaan defendan kedua 'on the face of it obviously unsustainable'— Sama ada keperluan di dalam A 78 k 3 KKM dipatuhi — Sama ada butiran fakta dalam perenggan 6, 7 dan 8 adalah suatu 'rolled-up plea'— Sama ada 'impugned words' suatu komen berpatutan atau pernyataan fakta — Sama ada wujud unsur-unsur di bawah A 18 k 19(1)(a) atau (b), (c) dan (d) KKM — Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 18 k 19(1) & A 78 k 3

Tindakan ini ('lampiran 17') telah difailkan oleh plaintif di bawah A 18 k 19(1)(a) atau (b), (c) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 ('KKM') untuk membatalkan perenggan 6, 7 dan 8 pernyataan pembelaan defendan kedua kerana tidak mematuhi keperluan A 78 k 3 KKM. Lampiran 17 ini adalah berpunca daripada tindakan asal yang difailkan oleh plaintif terhadap defendan-defendan bagi menuntut ganti rugi di atas tindakan defendan pertama yang telah menyentuh isu-isu '1 Malaysia Development Berhad' ('1MDB') di dalam ceramahnya yang dikatakan mengandungi unsur-unsur fitnah yang ditujukan ke atas plaintif. Plaintif berhujah bahawa 'impugned words' dalam ucapan defendan pertama yang menjadi asas tuntutan ini bukanlah suatu komen berpatutan tentang kepentingan awam, oleh itu, pembelaan komen berpatutan di perenggan 6, 7 dan 8 pernyataan pembelaan defendan kedua adalah 'on the face of it obviously unsustainable'. Defendan kedua pula berhujah bahawa perkataan yang dikatakan sebagai 'impugned words' tersebut bukanlah satu pernyataan fakta dan isu sama ada 'impugned words' tersebut adalah satu fakta atau komen mestilah diputuskan dalam perbicaraan penuh. Defendan kedua juga mendakwa bahawa berdasarkan fakta, tindakan ini bukanlah suatu kes mudah ('clear cut') bagi mahkamah menggunakan budi bicara di bawah A 18 k 19 KKM. Seterusnya defendan kedua berhujah bahawa A 78 k 3 KKM telah dipatuhi sepenuhnya olehnya dengan memasukkan butiran yang perlu di dalam perenggan 6, 7 dan 8 pernyataan pembelaannya dan perenggan 7 dan 8 bukanlah satu 'rolled-up

plea' yang dimasukkan ke dalam perenggan 6 seperti yang didakwa oleh plaintif.

Diputuskan, menolak permohonan plaintif di lampiran 17 dengan kos:

(1) Mahkamah mendapati bahawa isu 1MDB adalah isu yang hangat dibincangkan di kalangan rakyat dan media masa, oleh itu isu tersebut adalah berkepentingan awam (lihat perenggan 52).

(2) Berdasarkan butiran-butiran di perenggan 6, 7 dan 8 pernyataan pembelaan defendan kedua, dalam menggunakan pembelaan komen berpatutan dan berkepentingan awam, defendan kedua telah memberikan butir-butir fakta yang mencukupi untuk memuaskan keperluan A 78 k 3 KKM. Tambahan pula, penggunaan butiran fakta yang sama dalam perenggan 6, 7 dan 8 bukanlah suatu 'rolled-up plea' tetapi disebabkan oleh perkara yang diplidkan sama, oleh itu butir-butir faktanya juga adalah sama dan boleh digunakan berulang dan ianya bukanlah suatu cubaan untuk mengelakkan dari memberikan butiran fakta. Jika pun terdapat sebarang percampuran fakta dan komen, ianya hanya boleh diputuskan melalui perbicaraan penuh (lihat perenggan 53 & 57–59).

(3) Berdasarkan pematuhan defendan kedua dengan A 78 k 3 KKM dan dengan menggunakan ujian di dalam kes *Lee Kuan Yew v Derek Gwyn Davies & Ors* [1990] 1 MLJ 390, apabila orang biasa dan munasabah dimaklumkan berkenaan 'impugned words', mereka akan menganggapnya sebagai suatu komen berpatutan dan bukan pernyataan fakta. Secara keseluruhannya, tidak wujud unsur-unsur di bawah A 18 k 19(1)(a) atau (b), (c) dan (d) KKM seperti mana dalam permohonan plaintif (lihat perenggan 63–65).

[English summary

This action was filed ('encl 17') was filed by the plaintiff under O 18 r 19(1)(a) or (b), (c) and (d) of the Rules of Court 2012 ('the ROC') to strike out paras 6, 7 and 8 of the second defendant's statement of defence for not complying the requirements of O 78 r 3 of the ROC. Enclosure 17 was filed pursuant the original action filed by the plaintiff against the first defendant concerning the issues of '1 Malaysia Development Berhad' ('1MDB') in his speech which was said to contain defamatory statements against the plaintiff. The plaintiff submitted that 'the impugned words' in the defendant's speech which formed the basis of this claim was a fair comment on public policy. Therefore, the defence of fair comment under paras 6, 7 and 8 of the second defendant's defence was 'on the face of it obviously sustainable'. The second defendant argued that the words 'impugned words' were not statement of facts and the issue of whether the 'impugned words' were a fact or a comment must be decided in a fair trial. The second defendant also alleged that based on the facts,

this action as not a clear cut case for the court to use its direction under O 18 r 19 of the ROC. The second defendant further submitted that O 78 r 3 of the ROC was fully-complied with by inserting the necessary details in paras 6, 7 and 8 of the statement of claim and paras 7 and 8 were a 'rolled up plea' inserted in para 6, as alleged by the plaintiff.

Held, dismissing the plaintiff's claim in encl 17 with costs:

(1) The court found that the 1MDB issue was hotly discussed amongst citizens and the media. Therefore, the issue had public interest (see para 52).

(2) The details in paras 6, 7 and 8 of the second defendant's statement of defence, in advancing the defence of fair comments and public interest, the second defendant gave sufficient factual details to satisfy O 78 r 3 of the ROC. Furthermore, the usage of the same factual details in paras 6, 7 and 8 was not a 'rolled-up plea' but caused by the same pleaded matter. Therefore, the factual details were the same and could be used repeatedly and were not an attempt to avoid from giving factual details. If there were combination of facts and comments, it could be decided via a fair trial (see paras 53 & 57–59).

(3) Pursuant to the second defendant's compliance with O 78 r 3 of the ROC and applying the test in *Lee Kuan Yew v Derek Gwyn Davies & Ors* [1990] 1 MLJ 390, when a reasonable layman is informed about 'impugned words', they will regard it a fair comment and not statements of fact. Overall, there did not exist elements under O 18 r 19(1)(a) or (b), (c) and (d) of the ROC as per the plaintiff's application (see paras 63–65).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai pliding secara am, lihat 2(4) *Mallal's Digest* (5th Ed, 2015) perenggan 6761–7633.

Kes-kes yang dirujuk

Attorney-General of the Duchy of Lancaster v London and North Western Railway Company [1892] 3 Ch 274, MA (dirujuk)

Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd [1993] 3 MLJ 36, MR (diikut)

Broadway Approvals Ltd and another v Odhams Press Ltd and another [1965] 2 All ER 523, MR (dirujuk)

Chong Swee Huat & Anor v Lim Shian Ghee (t/a L & G Consultants & Education Services [2009] 3 MLJ 665; [2009] 4 CLJ 113, MR (dirujuk)

Dato' Dr Tan Chee Khuan v Chin Choong Seng @ Victor Chin [2011] 8 MLJ 608, MT (dirujuk)

Henry Wong Jan Fook v John Lee & Anor [1976] 1 MLJ 231; [1975] 1 LNS 57, MP (dirujuk)

Hubbuck & Sons, Limited v Wilkinson, Heywood & Clark, Limited [1899] 1 QB 86, MR (dirujuk)
Hunt v Star Newspaper Co Ltd [1908] 2 KB 319, MR (dirujuk)
JB Jeyaratnam v Goh Chok Tong [1985] 1 MLJ 334 (dirujuk)
Kemsley v Foot [1952] 1 All ER 501, HL (dirujuk)
Kuala Lumpur Finance Bhd v KGV & Associates Sdn Bhd [1995] 1 MLJ 504; [1995] 1 CLJ 519, MT (dirujuk)
Lee Kuan Yew v Derek Gwyn Davies & Ors [1990] 1 MLJ 390, MT (diikut)
Pet Far Eastern (M) Sdn Bhd v Tay Young Huat & Ors [1999] 5 MLJ 558, MT (diikut)
S Ashok Kandiah & Anor v Dato' Yalumallai Muthusamy [2011] 1 CLJ 460, MR (dirujuk)
Saripah bte Manap & Ors v Emar Sdn Bhd (in dissolution) & Ors [1998] 1 MLJ 323, MT (dirujuk)
Sim Kie Chon v Superintendent of Pudu Prison & Ors [1985] 2 MLJ 385; [1985] CLJ Rep 293, MA (dirujuk)
Sivakumar a/l Varatharaju Naidu v Ganesan a/l Retanam [2011] 6 MLJ 70; [2010] 9 CLJ 825, MR (dirujuk)
Spedding v Fitzpatrick (1888) 38 Ch D 410, MR (dirujuk)
Thorp Holdsworth (1876) 3 Ch D 637, Ch D (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 A 18 k 19 (1)(a), (b), (c), (d), A 78 k 3, 3(2)
Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 A 18 k 19(1)(a), (b), (c), (d)

Mohd Hafarizam (Reza Hassan dan Norhazira Abu Haiyan bersamanya) (Hafarizam Wan & Aisha Mubarak) bagi pihak plaintif.
Gobind Singh Deo (Allif Benjamin Suhaimi dan Joanne Chua Tsu Fae bersamanya) (Thomas Philip) bagi pihak defendan pertama.
N Surendran (Shahid Adli bin Kamarudin dan Raul Lee bersamanya) (Daim & Gamany) bagi pihak defendan kedua.

Roslan Bakar PK:

PENGENALAN

[1] Ini adalah satu permohonan interlokutori (lampiran 17) oleh plaintif (pemohon) di bawah A 18 k 19 (1)(a) atau (b), (c) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 untuk satu perintah mahkamah bahawa perenggan-perenggan 6–8 (termasuk sub-sub perenggan di dalamnya) dalam pernyataan pembelaan defendan kedua dibatalkan.

[2] Plaintif adalah seorang yang berjawatan Perdana Menteri Malaysia dan memfailkan writ kes ini atas kapasiti peribadi.

[3] Manakala defendan pertama adalah seorang ahli parti politik Democratic Action Party ('DAP') yang memegang jawatan sebagai Setiausaha Publisiti Kebangsaan dan juga menjadi Ahli Parlimen Petaling Jaya Utara.

[4] Defendan kedua pula adalah pemilik tunggal perniagaan yang berniaga di bawah nama dan gaya 'MR Multimedia' dan juga pemilik portal online 'Mediarakyat.net'.

Permohonan-permohonan lain oleh plaintif dan defendan dalam writ ini

[5] Untuk kemudahan dan rujukan, dikemukakan permohonan-permohonan yang difailkan oleh plaintif dan defendan dalam writ dan tuntutan ini:

(a) lampiran 13
permohonan oleh defendan pertama untuk membatalkan writ dan tuntutan plaintif di bawah A 18 k 19(1)(b) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

(b) lampiran 15
permohonan oleh plaintif untuk menghapuskan atau mengeluarkan perenggan 9–10 serta ekshibit-ekshibit TP2 dan TP3 daripada afidavit sokongan defendan pertama dalam permohonannya (lampiran 13) di bawah A 41 k 5 (2) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

(c) lampiran 17
permohonan oleh plaintif di bawah A 18 k 19(1)(a) atau (b), (c) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 untuk membatalkan perenggan 6–8 pernyataan pembelaan (termasuk sub-sub perenggan di dalamnya) defendan kedua.

FAKTA KES

[6] Plaintif telah memfailkan writ dan pernyataan tuntutan menuntut relif antara lainnya deklarasi tertentu dan ganti rugi terhadap defendan pertama dan kedua berhubung dengan satu ucapan oleh defendan pertama dalam majlis makan malam anjuran DAP bertemakan 'DAP Petaling Jaya Fund Raising Dinner-New Chapter, New Hope' pada 3 November 2014.

[7] Defendan pertama dikatakan dalam ceramah berkenaan telah menyentuh isu-isu '1 Malaysia Development Berhad' ('1MDB') yang mengandungi unsur-unsur fitnah yang ditujukan kepada plaintif.

[8] Manakala defendan kedua pula dikatakan melalui Media Rakyat merakam ucapan berkenaan dan kemudiannya memuatnaik ke laman Youtube Media Rakyat dan ke laman web Media Rakyat dengan tajuk 'Tony Phua:

Najib Is Creating The Biggest Scandal Ever In The History Of Malaysia'. Seterusnya artikel berkenaan di kongsi di laman Facebook defendan pertama dan laman Facebook Media Rakyat.

[9] Plaintif kemudiannya telah memfailkan satu permohonan interlokutori (lampiran 17) di bawah A 18 k 19 (1)(a) atau (b), (c) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 untuk satu perintah mahkamah bahawa perenggan-perenggan 6–8 (termasuk sub-sub perenggan di dalamnya) dalam pernyataan pembelaan defendan kedua dibatalkan.

ISU

[10] Sama ada butiran di perenggan 6–8 dalam pernyataan pembelaan defendan kedua adalah *obviously unsustainable* dan boleh di batalkan di bawah A 18 k 19(1)(a) atau (b), (c) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

KES PLAINTIF (PEMOHON)

[11] Plaintif telah mengemukakan dua nas undang-undang yang memutuskan bahawa mahkamah boleh membatalkan apa-apa butiran pliding atas alasan ianya 'scandalous, frivolous and vexatious' atau menyalahgunakan proses mahkamah.

Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd [1993] 3 MLJ 36; [1993] 4 CLJ 7; dan

Sim Kie Chon v Superintendent of Pudu Prison & Ors [1985] 2 MLJ 385; [1985] CLJ Rep 293.

[12] Plaintif menghujahkan bahawa defendan kedua dalam pembelaannya telah menggunakan belaan *qualified privilege* dan komen berpatutan (*fair comment*). Bagi memastikan defendan kedua berjaya dalam pembelaan komen berpatutan ini, beliau mestilah (dihujahkan oleh plaintif) menunjukan bahawa *impungned words* (dalam ucapan defendan pertama yang menjadi asas tuntutan ini) adalah suatu komen dan bukannya terbit dari sesuatu fakta.

[13] Jika ianya terbit dari fakta, maka dihujahkan belaan defendan kedua bukanlah komen berpatutan tetapi pembelaan *justification* atau *privilege.* Tetapi jika fakta itu sendiri adalah fitnah, maka pembelaan komen berpatutan adalah tidak terpakai.

[14] Plaintif telah mengemukakan beberapa nas undang-undang berhubung dengan beban defendan kedua ini.

Hunt v Star Newspaper Co Ltd [1908] 2 KB 319;

A *Kemsley v Foot* [1952] 1 All ER 501;

Chong Swee Huat & Anor v Lim Shian Ghee (t/a L & G Consultants & Education Services [2009] 3 MLJ 665; [2009] 4 CLJ 113;

S Ashok Kandiah & Anor v Dato' Yalumallai Muthusamy [2011] 1 CLJ 460; dan

B *Broadway Approvals Ltd and another v Odhams Press Ltd and another* [1965] 2 All ER 523.

[15] 'Impugned words' tersebut (penekanan ditambah) adalah seperti
C berikut:

> 1MDB Energy 2013 accounts until today also haven't submit. Don't talk about 2014. 2013 until today haven't submit account. How can ... *There is only one reason why I think can. The reason why can is because all these MCA, MIC, Gerakan kakis all don't dare to challenge their Prime Minister, all say ok ok thank you thank you, please carry on and rob people's money.*
D

[16] Plaintif seterusnya menghujahkan bahawa *impugned words* (dalam ucapan defendan pertama yang menjadi asas tuntutan ini) bukanlah suatu
E komen atau pendapat tetapi ianya adalah suatu pernyataan fakta.

[17] Alasan yang diberikan oleh plaintif adalah bahawa berdasarkan kepada keperluan A 78 k 3(2) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012, defendan kedua telah gagal mengemukakan *particularise elements.* Ini bermaksud dalam
F mengemukakan pembelaan komen berpatutan, beliau mestilah menyatakan (*particularise*) perkataan mana yang tergolong sebagai komen berpatutan dan perkataan mana yang tergolong sebagai peryataan fakta.

[18] Dihujahkan ini bukanlah tugas mahkamah atau pihak plaintif untuk
G berbuat demikian. Jelas dapat di lihat seperti yang di plidkan dalam perenggan 6 pernyataan pembelaan di mana dihujahkan defendan kedua telah gagal berbuat demikian. Dihujahkan juga bahawa perenggan 7 dan 8 pernyataan pembelaan adalah suatu 'rolled-up plea' ie mengulangi apa yang telah
H dinyatakan dalam perenggan 6.

[19] Plaintif telah mengemukakan kes *Lee Kuan Yew v Derek Gwyn Davies & Ors* [1990] 1 MLJ 390 yang telah memberikan ujian bagi menentukan sama ada sesuatu perkataan itu tergolong dalam komen berpatutan atau fakta.

I

[20] Ujian yang digunakan dalam kes tersebut ialah — 'adakah seorang biasa dan munasabah setelah dimaklumkan perkataan-perkataan itu, akan menganggapnya sebagai suatu fakta atau suatu komen'.

[21] Plaintif juga telah mengemukakan beberapa kes undang-undang yang menyentuh tentang isu tersebut: A

Datuk Seri Mohammad Nizar Jamaluddin v Utusan Melayu (M) Bhd [2014] 2 CLJ 605;

Meeran Leebaik Maullin & Anor v J Mohamed Ismail Marican & The Straits Printing Works [1926] 2 MC 85; dan B

Brent Walker Group Plc v Time Out Ltd and another [1991] 2 QB 33.

[22] Seterusnya plaintif menghujahkan adalah menjadi tugas dan beban kepada defendan kedua untuk menyatakan dengan jelas apa itu fakta dan apa itu suatu komen berpatutan. Jika fakta dan komen tersebut telah bercampur aduk yang mana tidak boleh lagi di bezakan, maka pembelaan komen berpatutan defendan kedua akan gagal dan tidak terpakai lagi. C

D

[23] Bagi menyokong hujah ini, plaintif telah mengemukakan prinsip dalam kes-kes:

Hunt v Star Newspaper Co Ltd; dan

Dato' Dr Tan Chee Khuan v Chin Choong Seng @ Victor Chin [2011] 8 MLJ 608. E

[24] Perkataan yang diucapkan oleh defendan pertama yang di katakan *impugned* iaitu *plaintiff robbed the people's money* dihujahkan oleh plaintif, tidak langsung boleh di tafsirkan sebagai suatu komen berpatutan. Dengan merujuk keseluruhan ucapan defendan pertama dan perenggan 6, 7 dan 8 pernyataan pembelaan defendan kedua, tidak ada langsung fakta yang menyokong dakwaan bahawa plaintif telah merompak wang rakyat. F

[25] Plaintif menghujahkan lagi bahawa kegagalan defendan kedua untuk *particularise* perkataan yang menunjukan fakta dan yang menujukan komen, telah menyebabkan plaintif di prejudiskan dengan teruk kerana tidak dapat memastikan apa bentuk keterangan yang perlu beliau sediakan atau dijangka akan timbul dalam perbicaraan. G

H

[26] Dua kes dikemukakan bagi menyokong penghujahan ini:

Spedding v Fitzpatrick (1888) 38 Ch D 410; dan

Thorp Holdsworth (1876) 3 Ch D 637. I

[27] Plaintif juga menghujahkan (bagi menjawab penghujahan defendan kedua) bahawa:

(a) prinsip yang dinyatakan berkenaan dengan perbezaan di antara fakta

dan komen dalam buku *Gatley on Libel and Slander* (12th Ed, by Joint Editors) di ms 430–435 adalah tidak terpakai di Malaysia kerana di England, juri memutuskan tentang fakta dan hakim memutuskan tentang undang-undang; dan

(b) sehingga permohonan di lampiran 17 ini didengar, defendan kedua masih belum membuat permohonan untuk meminda pernyataan pembelaan mereka. Oleh yang demikian tidak perlu menimbulkan hujah bahawa mereka boleh membuat permohonan pindaan pernyataan pembelaan pada bila-bila masa sahaja.

[28] Akhir sekali plaintif menghujahkan bahawa mahkamah ini boleh membatalkan pembelaan komen berpatutan dalam permohonan interlokutori kerana telah diputuskan sedemikian oleh Mahkamah Persekutuan dalam kes *Henry Wong Jan Fook v John Lee & Anor* [1976] 1 MLJ 231; [1975] 1 LNS 57 atas alasan *impugned words* tersebut bukanlah suatu komen berpatutan tentang kepentingan awam.

[29] Sebagai kesimpulan, plaintif dengan itu memohon mahkamah membatalkan perenggan 6, 7 dan 8 pernyataan pembelaan defendan kedua yang berkaitan dengan pembelaan komen berpatutan atas alasan:

(a) *impugned words* tersebut bukanlah suatu komen berpatutan tentang kepentingan awam; dan

(b) dan oleh yang demikian pembelaan komen berpatutan di perenggan 6, 7 dan 8 tersebut adalah *on the face of it obviously unsustainable*.

KES DEFENDAN KEDUA (RESPONDEN)

[30] Defendan kedua menghujahkan kes beliau seperti berikut:

(a) perkataan yang dikatakan sebagai *impunged words* bukanlah satu pernyataan fakta

Perkataan tersebut adalah suatu penilaian pendapat (*evaluative opinion*) yang mewakili pandangan defendan pertama.

Untuk berjaya dalam penggunaan pembelaan komen berpatutan, empat elemen mesti dipenuhi seperti yang telah dinyatakan dalam kes *JB Jeyaratnam v Goh Chok Tong* [1985] 1 MLJ 334 di mana LP Thean J berkata:

> there are 4 elements which the Defendant must establish in order to succed on his plea of fair comment:
>
> (i) the words complained of are comment, though it may consist of or include inferences of facts;
>
> (ii) the comment is on a matter of public interest;

(iii) the comment is based on facts; and

(iv) the comment is one which a fair-minded person can honestly make on the facts proved.

[31] Defendan kedua menghujahkan bahawa keempat-empat elemen itu telah ditunjukan oleh beliau.

[32] Selanjutnya defendan kedua menghujahkan bahawa perkataan yang dikatakan sebagai *impugned words* itu adalah merupakan juga sebagai salah satu penilaian pendapat yang dilihat dalam konteks keseluruhan ucapan defendan pertama.

[33] Dalam menentukan sama ada *'impugned words'* tersebut sebagai fakta atau komen, perkara pertama yang perlu di pertimbangkan adalah menentukan maksudnya dalam konteks ucapan tersebut. Prinsip ini telah dinyatakan dalam kes *JB Jeyaratnam v Goh Chok Tong* yang menyatakan; '... the words must be considered in the context of the whole speech made by the defendant and in those circumstances'.

(b) daripada fakta, ini bukanlah suatu kes mudah (*clear cut*) bagi mahkamah menggunakan budi bicaranya di bawah A 18, k 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

[34] Budi bicara mahkamah di bawah A 18 k 19 hanya boleh digunakan apabila amat jelas bahawa dari dasarnya sesuatu tuntutan itu *obviously unsustainable.* Yang utamanya bukanlah perkataan *unsustainable* tetapi perkataan *obviously* yang membawa makna *on the face of it, the claim must be plainly or evidently unsustainable in law.*

[35] Dua kes utama digunakan oleh defendan kedua bagi menyokong hujah tersebut:

Pet Far Eastern (M) Sdn Bhd v Tay Young Huat & Ors [1999] 5 MLJ 558; dan

Sivakumar a/l Varatharaju Naidu v Ganesan a/l Retanam [2011] 6 MLJ 70; [2010] 9 CLJ 825 (CA).

[36] Selanjutnya defendan kedua menghujahkan kuasa mahkamah untuk membatalkan perenggan 6, 7 dan 8 pernyataan pembelaan ini mestilah digunakan *sparingly*.

Sivakumar a/l Varatharaju Naidu v Ganesan a/l Retanam; dan

Saripah bte Manap & Ors v Emar Sdn Bhd (in dissolution) & Ors [1998] 1 MLJ 323.

[37] Dalam kes di antara plaintif dengan defendan pertama dan kedua ini, adalah melibatkan dua orang defendan yang merupakan pembuat asal perkataan yang di katakan *impugned words* itu. Oleh yang demikian defendan pertama mestilah dibenarkan untuk memberikan keterangan secara *viva voce* apa maksud sebenar perkataan tersebut. Adalah dihujahkan bahawa ianya masih terlalu awal (*premature*) untuk membatalkan perenggan 6, 7 dan 8 pernyataan pembelaan defendan kedua di peringkat ini.

(c) defendan kedua telah mematuhi peruntukan A 78 k 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

[38] Defendan kedua menghujahkan plaintif telah gagal untuk menunjukan di bahagian manakah dalam A 78 k 3 itu yang tidak dipatuhi oleh defendan kedua. Aturan tersebut telah dipatuhi sepenuhnya oleh defendan kedua dengan memasukan butiran yang perlu di dalam perenggan 6, 7 dan 8 pernyataan pembelaannya. Perenggan 7 dan 8 ini bukanlah satu '*rolled-up plea*' yang dimasukan ke dalam perenggan 6.

[39] Selanjutnya dihujahkan jika hanya kerana sesuatu kes itu lemah dan tiada berkemungkinan berjaya, ianya bukanlah satu alasan untuk membatalkan kes kerana pliding boleh dipinda dan kebenaran mahkamah untuk membuat pindaan kepada pliding selalunya dibenarkan.

Kuala Lumpur Finance Bhd v KGV & Associates Sdn Bhd [1995] 1 MLJ 504; [1995] 1 CLJ 519.

(d) sama ada *impunged words* itu satu fakta atau komen, ianya mestilah diputuskan dalam perbicaraan penuh.

[40] Dalam perbicaraan penuh ini, mahkamah berpeluang meneliti dan menilai keseluruhan ucapan yang dibuat oleh defendan pertama. Mahkamah juga berpeluang menimbangkan apa yang didakwa sebagai *impugned words* itu dalam konteks ayat-ayat dalam ucapan tersebut bagi memutuskan ianya satu fakta atau komen. (*Gatley on Libel and Slander* (12th Ed, by Joint Editors) di ms 430–435.

[41] Akhir sekali defendan kedua menghujahkan perintah di bawah A 18 k 19 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 seharusnya digunakan sebagai tindakan terakhir (*last resort*). Daripada fakta kes, ini bukanlah suatu kes yang mudah (*clear cut*) bagi mahkamah menggunakan budi bicaranya di bawah aturan ini.

[42] Sehubungan dengan itu, defendan kedua memohon agar permohonan plaintif ini (lampiran 17) di tolak dengan kos.

ANALISA DAN PENEMUAN MAHKAMAH

[43] Permohonan plaintif adalah di bawah A 18 k 19(1)(a) atau (b), (c) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 untuk membatalkan perenggan 6, 7 dan 8 pernyataan pembelaan defendan kedua kerana tidak mematuhi keperluan A 78 k 3 kaedah yang sama.

[44] Aturan 18 k 19(1)(a), (b), (c) dan (d) memperuntukan seperti berikut:

19 Striking out pleadings and endorsements

(1) The Court may at any stage of the proceedings order to be struck out or amended any pleading or the endorsement, of any writ in the action, or anything in any pleading or in the endorsement, on the ground that —

(a) it discloses no reasonable cause of action or defence, as the case may be;

(b) it is scandalous, frivolous or vexatious;

(c) it may prejudice, embarrass or delay the fair trial of the action; or

(d) it is otherwise an abuse of the process of the Court,

and may order the action to be stayed or dismissed or judgment to be entered accordingly , as the case may be.

(2) No evidence shall be admissible on an application under subparagraph (1)(a).

(3) This rule shall, as far as applicable, apply to an originating summons as if it were a pleading.

[45] Manakala peruntukan A 78 k 3 adalah:

3 Obligations to give particular

(1) Where in an action for libel or slander the plaintiff alleges that the words or matters complained of were used in a defamatory sense other than their ordinary meaning, he must give particulars of the facts and matters on which he relies in respect of such sense.

(2) Where in an action for libel or slander the defendant alleges that, in so far as the words complained of consist of statements of fact, they are true in substance and in fact, and in so far as they consist of expressions of opinion, they are fair comment on a matter of public interest, or pleads to the like effect, he must give particulars stating which of the words complained of he alleges the statement of facts and of the facts and matters he relies on in support of the allegation that the words are true.

(3) Where in an action for libel or slander the plaintiff alleges that the defendant maliciously publisbhed the words or matters complained of, he need not in his statement of claim give particulars of the facts on which he relies in support of the allegation of malice, but if the defendant pleads

A that any of those words or matters are fair comment on a matter of public interest or were published upon a privileged occasion and the plaintiff intends to allege that the defendant was actuated by express malice, he must serve a reply giving particulars of the facts and matters from which the malice is to be inferred.

B (4) This rule shall apply in relation to a counterclaim for libel or slander as if the party making the counterclaim were the plaintiff and the party against whom it is made the defendant.

C **[46]** Perenggan-perenggan dalam pernyataan pembelaan defendan kedua yang dipohon oleh plaintif untuk dibatalkan adalah:

Perenggan 6

D 6. Seterusnya defendan kedua merujuk kepada perenggan 13, 14 dan 15 Pernyataan Tuntutan dan memplidkan bahawa penerbitan Rakaman tersebut telah dibuat di dalam suatu keadaan berkepentingan perlindungan bersyarat ('qualified privilege') tanpa sebarang niat jahat.

Butir-butir di bawah Aturan 78 Kaedah 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012

E 6.1 Plaintif adalah Perdana Menteri Malaysia, penjawat awam yang sangat penting;

6.2 Defendan Kedua merupakan seorang perakam video bebas dan menerbitkan rakaman-rakaman yang bersifat kepentingan awam;

F 6.3 Adalah wajar dan impertaif bahawa segala tindakan, polisi dan kelakuan Plaintif selaku Perdana Menteri adalah terbuka kepada kritikan awam;

6.4 Kritikan yang dibuat oleh Defendan Pertama adalah berkenaan projek 1MDB yang melibatkan dana awam dann kepentingan awam yang berjumlah amat besar;

G 6.5 Defendan Kedua mempunyai tanggungjawab kepada pihak awam untuk menerbitkan rakaman berkenaan isu 1MDB dan/atau kenyataan yang kritikal bterhadap tindakan Perdana Menteri;

6.6 Skandal 1MDB merupakan suatu isu nasional yang masih hangat diperbincangkan.

H

Perenggan 7

I 7. Selanjutnya dan ataupun secara alternative, defendan kedua memplidkan bahawa perkataan-perkataan di dalam penerbitan Rakaman tersebut yang diadukan adalah berdasarkan pendapat yang diberikan secara komen berpatutan ('fair comment') di dalam suatu perkara berkepentingan awam ('public interest') tanpa sebarang niat jahat.

Perenggan 8

8. Defendan kedua akan bergantung kepada butir-butir yang dinyatakan di dalam

perenggan 6, 1 hingga 6.7 dan diguna pakai di sini sebagai kenyataan-kenyataan fakta sebagaimana diperuntukkan di bawah Aturan 78 Kaedah 3 menurut Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 sebagai komen berpatutan (fair comment). A

[47] Dalam menimbangkan permohonan di bawah A 18 k 19(1)(a), (b), (c) dan (d), mahkamah mengambil panduan kepada prinsip yang diputuskan oleh Mahkamah Agung dalam kes *Bandar Builder Sdn Bhd & Ors v United Malayan Banking Corporation Bhd* [1993] 3 MLJ 36 bahawa: B

> The principles upon which the court acts in exercising its power under any of the four limbs of O 18 r 19(1) Rules of the High Court 1980 are well settled. It is only in plain and obvious cases that recourse should be had to the summary process under this rule. This summary procedure can only be adopted when it can be clearly seen that a claim or answer is on the face of it obviously unsustainable. C

[48] Aturan 18 k 19(1)(a), (b), (c) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah Tinggi 1980 adalah *in pari materia* A 18 k 19(1)(a), (b), (c) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. D

[49] Prinsip yang sama juga terdapat dalam kes-kes: E

Sim Kie Chon v Superintendent of Pudu Prison & Ors [1985] 2 MLJ 385; [1985] CLJ Rep 293;

Hubbuck & Sons, Limited v Wilkinson, Heywood & Clark, Limited [1899] 1 QB 86; dan F

Attorney-General of the Duchy of Lancaster v London and North Western Railway Company [1892] 3 Ch 274.

[50] Isu yang perlu diputuskan oleh mahkamah sekarang ialah: 'Adakah butiran di dalam perenggan 6, 7 dan 8 dalam pernyataan pembelaan defendan kedua adalah *on the face of it obviously unsustainable* dan boleh di batalkan di bawah A 18 k 19(1)(a) atau (b), (c) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. G

[51] Untuk ini, mahkamah perlu dulu meneliti dan menganalisa butiran-butiran di dalam perenggan 6, 7 dan 8 pernyataan pembelaan defendan kedua sama ada mematuhi keperluan A 78 k 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012. H

(a) secara ringkasnya perenggan 6 menyatakan bahawa: I

> defendan kedua memplidkan bahawa penerbitan rakaman tersebut dibuat dalam suatu keadaan yang berkepentingan perlindungan bersyarat (*qualified privilege*) tanpa sebarang niat jahat.
>
> Kemudiannya dimasukkan butiran seperti kehendak A 78 k 3 seperti berikut:

(i) plaintif adalah Perdana Menteri Malaysia dan penjawat awam yang penting;

(ii) defendan kedua adalah perakam video bebas dan menerbitkan rakaman bersifat kepentingan awam;

(iii) sebagai Perdana Menteri adalah wajar dan imperatif terbuka kepada kritikan awam terhadap tindakan, polisi dan kelakuan plaintif;

(iv) kritikan defendan pertama adalah kepada projek 1MDB yang melibatkan dana awam yang besar dan kepentingan awam;

(v) defendan kedua mempunyai tanggungjawab kepada awam untuk menerbitkan rakaman isu 1MDB dan/atau kenyataan kritikal terhadap tindakan Perdana Menteri; dan

(vi) skandal 1MDB adalah isu nasional yang hangat diperbincangkan.

(b) perenggan 7 pula menyatakan:
defendan kedua memplidkan perkataan-perkataan yang diadukan dalam penerbitan rakaman tersebut adalah berdasarkan pendapat yang diberikan secara komen berpatutan (*fair comment*) dalam suatu perkara berkepentingan awam tanpa niat jahat; dan

(c) perenggan 8
defendan kedua akan bergantung kepada butiran di sub-perenggan 6.1 hingga 6.7 dan diguna pakai di sini sebagai kenyataan fakta sebagaimana peruntukan A 78 k 3 sebagai komen berpatutan.

[52] Meneliti kepada butiran di perenggan 6, 7 dan 8 ini, mahkamah mendapati isu 1MDB adalah isu yang hangat diperbincangkan di kalangan rakyat atau dalam media masa pada masa ini. Dengan itu adalah selamat untuk mahkamah berpendapat ianya telah menjadi satu isu nasional pada masa ini dan berkepentingan awam.

[53] Meneliti kepada butiran di perenggan 6, 7 dan 8 ini, mahkamah juga mendapati jelas bahawa dalam menggunakan pembelaan komen berpatutan dan berkepentingan awam, defendan kedua telah memberikan butir-butir (*paticulars*) yang menyatakan bahawa perkataan yang diterbitkan itu adalah pernyataan fakta, berasal dari fakta dan perkara-perkara yang beliau bergantung untuk menyokong dakwaan tersebut adalah perkataan yang benar.

[54] Adalah jelas jika dirujuk kepada perenggan 6 pernyataan pembelaan defendan kedua, bahawa defendan kedua dengan jelas menyatakan dan memberikan butir-butir di bawah A 78 k 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

[55] Merujuk kepada perenggan 7 pula ianya adalah lanjutan atau kepada

alternatif kepada apa yang diplidkan dalam perenggan 6. Oleh yang demikian mahkamah berpuas hati butir-butir fakta di perenggan 6 perlu dibaca bersekali dengan perenggan 7.

[56] Perenggan 8 pula memplidkan bahawa butir-butir fakta di perenggan 6.1 hingga 6.7 diguna pakai bagi mematuhi peruntukan A 78 k 3.

[57] Mahkamah berpendapat penggunaan butiran fakta yang sama tersebut bagi perenggan 6, 7 dan 8 bukanlah suatu *rolled-up plea* tetapi disebabkan oleh perkara (*subject*) yang diplidkan itu adalah sama, jadi butir-butir faktanya juga adalah sama dan boleh digunakan berulang. Dan ini bukalah suatu cubaan untuk mengelakkan dari memberikan butiran fakta.

Ini selaras seperti yang dinyatakan dalam *Malaysian Civil Procedure 2015, Sweet & Maxwell* di ms 1065: 'The introduction of rolled-up plea represent an attempt to avoid having to give particulars of facts relied on in support of the plea of fair comment; however; that manoeuver has been defeated by the rules, ie Order 78, r 3(2)'.

[58] Sehubungan dengan itu mahkamah mendapati bahawa butir-butir fakta tersebut mencukupi untuk memuaskan keperluan A 78 k 3 dan selanjutnya memutuskan defendan kedua telah mematuhi kepada keperluan A 78 k 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012.

[59] Mahkamah juga berpendapat jika pun berlaku percampuran antara fakta dan komen, ianya hanya boleh diputuskan dalam perbicaraan penuh apabila saksi-saksi memberikan keterangan. Di peringkat ini adalah terlalu awal (*premature*) untuk berbuat demikian.

[60] Berhubung dengan kes-kes yang dikemukakan oleh plaintif pula, mahkamah mendapati ianya diputuskan setelah perbicaraan penuh di buat iaitu setelah mahkamah dalam kes-kes tersebut menilai keterangan-keterangan secara keseluruhan.

[61] Mahkamah juga telah mengguna pakai prinsip dalam satu kes yang telah dikemukakan oleh plaintif iaitu kes *Lee Kuan Yew v Derek Gwyn Davies & Ors* yang telah memberikan ujian bagi menentukan sama ada sesuatu perkataan itu tergolong dalam komen berpatutan atau fakta.

[62] Ujian yang digunakan dalam kes tersebut ialah — 'adakah seorang biasa dan munasabah setelah dimaklumkan perkataan-perkataan itu, akan menganggapnya sebagai suatu fakta atau suatu komen'.

[63] Berdasarkan kepada pematuhan defendan kedua kepada peruntukan A 78 k 3 Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 bagi perenggan 6, 7 dan 8 pernyataan pembelaan dan dengan menggunakan ujian yang diberikan dalam kes *Lee Kuan Yew v Derek Gwyn Davies & Ors*, maka apabila seorang biasa dan munasabah dimaklumkan perkataan-perkataan seperti di bawah ini:

> 1MDB Energy 2013 accounts until today also haven't submit. Don't talk about 2014. 2013 until today haven't submit account. How can ... *There is only one reason why I think can. The reason why can is because all these MCA, MIC, Gerakan kakis all don't dare to challenge their Prime Minister, all say ok ok thank you thank you, please carry on and rob people's money.* ('Penekanan ditambah.)

[64] Mahkamah berpendapat orang biasa dan munasabah itu akan menganggapnya sebagai suatu komen berpatutan dan bukan pernyataan fakta.

[65] Sehubungan dengan itu mahkamah mendapati tidak wujud unsur-unsur di bawah A 18 k 19(1)(a) atau (b), (c) dan (d) Kaedah-Kaedah Mahkamah 2012 sepertimana dalam permohonan plaintif ini.

KEPUTUSAN

[66] Berdasarkan kepada ulasan dan alasan di atas, mahkamah dengan ini menolak permohonan plaintif di lampiran 17.

[67] Kos adalah dalam kausa.

Permohonan plaintif di lampiran 17 ditolak dengan kos.

Dilaporkan oleh Dzulqarnain Ab Fatar